

Bagi menyahut cabaran pekerjaan di peringkat multinasional

Wujudkan rantaian bekalan tempatan

KONSEP manfaat rantaian nilai adalah elemen penting dalam mewujudkan cadangan nilai kepada sesebuah organisasi dan bagaimana ia memperkayakan diri dari segi pendedahan dan pengalaman dalam sesebuah industri.

Hasilnya dalam konteks multinasional, tidak kira sama ada pembekal produk atau perkhidmatan, idea ini dilihat membantu rantaian pembekal tempatan mencapai pendedahan yang lebih meluas baik di pasaran tempatan dan juga luar negara.

Umum mengetahui, gabungan perusahaan multinasional memainkan peranan penting dalam ekonomi kebanyakan negara melalui hubungan ekonomi antarabangsa.

Ini adalah untuk meningkatkan faedah kepada kerajaan, majikan, pekerja dan organisasi masing-masing yang menjalankan perniagaan di luar negara, mempunyai manfaat yang berkekalan ke atas negara mereka sendiri dan tuan rumah dengan menyumbang kepada penggunaan modal, teknologi dan tenaga kerja yang lebih cekap.

Penglibatan sejumlah projek-projek baharu yang berlainan saiz, menjadi matlamat jangka panjang kerajaan untuk menyalurkan manfaat kepada kontraktor tempatan di atas dua faktor utama iaitu untuk meningkatkan skala pengetahuan teknikal dan kepakaran mereka dengan pengetahuan produk yang diperolehi daripada pasaran pekerjaan baharu serta khusus.

Selain itu, manfaat ini mampu meningkatkan pendapatan dan perkembangan status mereka daripada PKS (Perusahaan Kecil dan Sederhana) kepada entiti yang lebih besar yang membawa kepada perusahaan multinasional.

Sejajar dengan persekitaran yang kompetitif dewasa ini, syarikat yang paling kuat akan sentiasa kekal bertahan dalam persaingan yang ketat. Syarikat-syarikat tempatan, terutama PKS perlu diberi peluang untuk menimba pengalaman dan pendedahan bekerja dalam projek-projek besar yang akan memberi mereka peluang untuk berkembang dari segi pendapatan dan prestasi.

Penglibatan rantaian bekalan tempatan di dalam projek *Klang Valley Mass Rapid Transit (KVMRT)* dikatakan antara yang terbaik kerana ia merupakan sebuah projek infrastruktur mega dan terbesar kerajaan yang sedang dijalankan.

Di dalam seksyen penggalian dan bawah tanah (*Tunneling and Underground*) projek tersebut, penglibatan PKS tempatan sejak kerja-kerja bawah tanah dimulakan pada tahun 2012 sangat menggalakkan dan berkembang pada kadar yang tidak dijangkakan.

Syarikat-syarikat tempatan yang mengambil bahagian di dalam tugas penting dengan KVMRT telah meningkatkan keupayaan mereka selaras dengan piawaian-piawaian dan kehendak-kehendak yang telah ditetapkan oleh pelaksana projek.

Kebanyakan daripada mereka telah dapat menimba pengetahuan perniagaan yang mencukupi untuk melayakkan mereka menjalankan perusahaan di luar negara.

Penglibatan PKS (Perusahaan Kecil dan Sederhana) Tempatan ke arah Pembangunan Negara

Timbalan Pengarah Projek MMC-Gamuda KVMRT (T) Sdn. Bhd. (MGKT) **Ubull Din Om** berkata, setiap syarikat tempatan, besar dan kecil yang memfokus ke-



Kami sentiasa mahu dikenali kerana kualiti dan kecekapan kami, dan itu adalah kekuatan syarikat kami.

AHMAD MADZLAN ZAHARI
Pengarah Urusan
Sri Communications Sdn. Bhd.



Nilai kerja kami mungkin tidak besar tetapi dari aspek lain, kami memperoleh pulangan dan impak yang lagi besar melalui penglibatan dalam projek ini.

HAMDAN AB RAZAK
Penolong Pengurus Besar
Multimodal Freight Sdn. Bhd.

Kami berbangga kerana telah membangunkan keseluruhan rantaian bekalan industri pembinaan untuk menampung kerja-kerja pembinaan infrastruktur yang bernilai tinggi seperti projek KVMRT di mana pembekal tempatan dan penyedia perkhidmatan yang diperlukan dapat meningkatkan keupayaan mereka dan telah menjadi lebih berkemahiran dari segi teknikal dan teknologi.

UBULL DIN OM
Timbalan Pengarah Projek
MMC-Gamuda KVMRT (T)
Sdn. Bhd. (MGKT)

da kerja-kerja bawah tanah perlu menjalani sistem kawalan kualiti yang ketat sebelum mereka diberi tanggungjawab sebagai pembekal atau subkontraktor, sama seperti mana-mana latihan yang diberi kepada pengkhususan kerja-kerja kejuruteraan.

"Sebelum kita menetapkan standard yang tinggi ke atas sesebuah syarikat, kami menempatkan mereka di dalam beberapa latihan khusus bagi meningkatkan tahap mereka dari segi standard dan kualiti, terutama dalam kerja-kerja ke-

selamatan yang berkaitan di tapak pembinaan.

"Selain itu, kami berbangga kerana telah membangunkan keseluruhan rantaian bekalan industri pembinaan untuk menampung kerja-kerja pembinaan infrastruktur yang bernilai tinggi seperti projek KVMRT di mana pembekal tempatan dan penyedia perkhidmatan yang diperlukan dapat meningkatkan keupayaan mereka dan telah menjadi lebih berkemahiran dari segi teknikal dan teknologi," katanya.

Beliau menambah, beberapa syarikat tempatan telah mendapat manfaat dalam pemindahan teknologi seperti pembuatan segmen lapisan terowong dan hasilnya syarikat-syarikat terbabit kini telah pun membekalkan produk dan barangan kepada projek-projek di luar negara.

Sebagai contoh, Loji Membaik pulih Mesin Pengorek Terowong (TBM) yang ditubuhkan oleh MMC-Gamuda, adalah loji pertama dibina di rantau ini dan memberi pendeda-



LURANG pratuang (*pre-cast manhole*) diturunkan ke dalam tanah.

han kepada pembekal tempatan dan kontraktor dalam kerja-kerja kejuruteraan berkemahiran tinggi.

"Mereka yang terlibat dalam kerja-kerja membaik pulih jentera-jentera tersebut mempunyai potensi untuk menawarkan perkhidmatan mereka di pasaran Asia Tenggara pada masa hadapan.

"Untuk menggambarkan kejayaan-kejayaan yang dimaksudkan, terdapat tiga buah syarikat tempatan berkongsi perjalanan empat tahun mereka bersama dengan kami. Dalam konteks ini, konsep perkongsian nilai telah membolehkan PKS tempatan dan syarikat-syarikat konsultan ini mendapat manfaat dan bersaing dalam pasaran global," katanya.

Menurut Ubull lagi, bagi pakej kerja-kerja bawah tanah KVMRT, pembahagian kerja-kerja subkontraktor dan pembekal tempatan adalah sangat luas dengan 480 PKS telah diberi tanggungjawab dalam pelbagai tugas.

MGKT adalah kontraktor yang dilantik untuk Pakej Kerja Bawah Tanah bagi Projek MRT Jajaran Sungai Buloh-Kajang.

Syarikat utiliti tempatan mengaplikasikan piawaian antarabangsa Sri Communications Sdn. Bhd. adalah sebuah syarikat utiliti yang dibangunkan sepenuhnya oleh anak tempatan dengan mengutamakan matlamat dalam penambahbaikan operasi perniagaan dan bukan hanya berorientasikan keuntungan semata-mata.

Pengarah Urusannya, **Ahmad Madzlan Zahari** berkata, pihaknya yakin dan percaya bahawa keuntungan bukanlah kriteria utama dalam pembangunan sesebuah perniagaan.

"Kami sentiasa mahu dikenali untuk kualiti dan kecekapan kami kerana itulah kekuatan kami. Apabila diamanahkan untuk melakukan penempatan semula utiliti untuk stesen bawah tanah, kami menyahut cabaran tersebut," katanya.

Menurutnya lagi, tugas yang diberikan bukanlah kerja-kerja penempatan semula yang biasa tetapi perlu mengenal pasti beberapa cara dan kaedah yang bijak untuk menyiapkan kerja yang diamanahkan dalam masa yang singkat.

"Kami bekerja di kawasan bandar yang berdepan dengan masalah trafik secara langsung, dan penutupan jalan adalah masalah utama. Oleh itu, sebagai penyelesaian, kami memperkenalkan kaedah baharu yang dipanggil sebagai lurang pratuang (*pre-cast manhole*) di mana ia dibina di luar tapak pembinaan dan kemudiannya dibawa dan diturunkan ke dalam tanah hanya dalam satu malam.

"Kaedah ini tidak pernah digunakan pakai sebelum ini dan ia telah memperluaskan imaginasi teknikal kami," katanya.

Jelas Ahmad Madzlan, beliau masih ingat apabila perlu mematuhi standard keselamatan yang sebelum ini tidak pernah diperlukan oleh syarikatnya yang telah beroperasi

sejak tahun 1974.

"Kertas kerja contohnya adalah lebih menyeluruh dan sukar disediakan. Kita sedar ini telah menyebabkan kami lebih bersedia untuk bersaing dalam tugas-tugas di luar negara," katanya.

"Saya tidak ingat sama ada saya pernah menghadiri mana-mana latihan induksi terperinci sebelum ini dan saya terpaksa megikutinya buat kali pertamanya untuk projek KVMRT ini. Sejak daripada itu, standard pematuhan di tempat kerja di pihak kami telah meningkat," katanya.

Ujarnya lagi, salah satu cara efektif dan terbaik untuk mengasah kemahiran baharu dan meningkatkan kepakaran syarikat-syarikat tempatan supaya menjadi kompetitif di peringkat global adalah dengan memberi mereka tanggungjawab memikul tugas besar.

"Dalam tempoh empat tahun penglibatan kami di dalam projek ini, MMC Gamuda telah memberikan peluang latihan kepada staf kami dalam bidang kerja baharu, terutama dalam menggunakan teknologi tinggi," katanya.

Syarikat logistik tempatan melancarkan kerjasama strategik dengan rakan-rakan kongsi antarabangsa

Multimodal Freight Sdn. Bhd., sebuah syarikat logistik tempatan yang telah beroperasi sejak tahun 1985, merupakan satu lagi contoh syarikat yang telah menimba pengalaman berharga hasil penglibatan mereka dalam projek bawah tanah KVMRT.

Penolong Pengurus Besarnya, **Hamdan Ab Razak** berkata, pihaknya teruja apabila berkongsi tentang tugas dan operasi syarikat sepanjang beberapa tahun kebelakangan ini, namun apabila syarikat kami terlibat dalam penghantaran jentera-jentera berat untuk KVMRT, ianya merupakan satu cabaran lain yang perlu diberi perhatian.

"Kami telah banyak terlibat dalam kerja-kerja penghantaran tempatan sehingga baru-baru ini apabila kami perlu berurusan dengan rakan kongsi logistik dan penghantaran barang dari negara-negara lain yang memerlukan kami membentuk pakatan strategik dengan mereka," katanya.

Beliau berkata syarikat terpaksa belajar dan membiasakan diri dengan proses dan prosedur pelabuhan lain dan ini telah membuka peluang perniagaan kepada mereka.

"Nilai tugas kami mungkin tidak begitu besar tetapi kami telah memperoleh kelebihan yang besar daripada projek ini dalam banyak manfaat bukan kewangan. Dalam konteks ini

syarikat kami mengupah penduduk tempatan untuk KVMRT dan mereka telah dilatih semasa bertugas," katanya.

"Apabila terlibat dalam projek berprofil tinggi, segala-galanya tentang syarikat itu juga berubah kerana kita perlu bekerja secara berbeza dan tidak memberi ruang untuk melakukan kesilapan. Ini adalah bagaimana kita bertahan. Dalam proses itu, kami telah berkembang dari segi kecekapan dan kualiti penyampaian," katanya.

Apabila sebuah syarikat tempatan akan diberikan satu tugas yang besar, adalah logik untuk mewujudkan rantaian bekalan tempatan yang dilihat mampu mengurangkan kos. Untuk terowong-terowong KVMRT, lebih kurang 5,400 lapisan segmen cincin (*5,400 rings segment lining*) dikehendaki dibuat di luar tapak dan dibawa ke tapak.

Sokongan teknologi adalah penting bagi percambahan pengetahuan

SPC Industries Sdn. Bhd., merupakan salah sebuah syarikat pembekal tempatan yang dipilih untuk projek KVMRT. Berpengalaman luas dalam pengeluaran lapisan segmen, namun mereka akui adalah satu cabaran menggunakan gentian keluli (*steel fibre*) bagi menggantikan tetulang konvensional buat kali pertama di Malaysia.

Sokongan teknikal yang disediakan oleh MMC-Gamuda telah memberi sumbangan bernilai kepada SPC Industries dalam menangani cabaran ini, seperti yang dimaklumkan oleh **Christina Chia**, salah seorang pegawai di syarikat tersebut.

"SPC Industries berterima kasih kerana diberi peluang untuk berkembang dengan MMC-Gamuda. Wawasan baharu untuk mengeluarkan segmen gentian keluli menjadikan SPC Industries berada di barisan hadapan dalam industri," katanya.

Sebagai kesimpulannya, Ubull berpendapat bagi mengekalkan nilai yang diperolehi daripada pendedahan dalam projek-projek ini, aliran berterusan pekerjaan diperlukan supaya syarikat-syarikat tempatan akan terus melabur dalam modal insan dan peralatan untuk meningkatkan kedudukan mereka melalui pertumbuhan yang akhirnya menyokong pertumbuhan ekonomi yang mampan.

LAPISAN segmen yang digunakan dalam pembinaan terowong KVMRT sepanjang 7.5 kilometer.



ARRIVAL OF FIRST TBM FOR KLANG VALLEY MRT PROJECT
17th FEBRUARY 2013

PENGHANTARAN sebahagian komponen Mesin Pengorek Terowong (*Tunnel Boring Machine*) bagi pakej bawah tanah projek KVMRT merupakan satu tugas besar yang memerlukan kepakaran dan penyediaan terperinci.